

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN



MOHAMAD SHAWAL AGOS

PADA usia 78 tahun. Tinggal beberapa hari lagi untuk bersara. Mungkin tidak ada siapa yang sanggup bersusah-payah berjalan kaki meninjau sendiri pembangunan projek.

Namun itulah yang dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sejak Malaysia diumumkan sebagai hos Sidang Kemuncak

Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Sesi Ke-10, Dr. Mahathir bagaikan 'mandur' meninjau sendiri persiapannya.

Hampir setiap hari selepas habis waktu pejabat, Perdana Menteri akan menyarung kasut sukan lalu berjalan kaki dari pejabatnya melalui Masjid Putra, menyusuri Boulevard Putrajaya untuk ke Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) yang menjadi venue persidangan OIC.

"Ini pun semacam 'exercise' bagi Datuk kerana boleh dikatakan dia kena berjalan lebih sejam di tengah-tengah pekerja Bangla yang sedang membuat persiapan.

"Bodyguard pun terpaksa ikut sama berjogging," kata pemandu peribadinya Mohamad Shawal Agos.

Pada waktu itu, Shawal sendiri akan bergegas menghantar fail-fail ke rumah di Kompleks Seri Perdana, menukar kereta rasmi Perdana V6 kepada Pajero dan menunggu di Pintu 5.

Shawal, 52, dipinjamkan oleh JKR Woksyp Persekutuan untuk menjadi pemandu peribadi Dr. Mahathir mulai Januari 1982 iaitu kira-kira setahun selepas Dr. Mahathir dilantik menjadi Perdana Menteri.

Setelah lebih 20 tahun berkhidmat dengan Dr. Mahathir, anak Kanchung Darat, Banting ini cukup memahami bosnya.

Rutin harian Shawal bermula seawal 7 pagi memasukkan fail-fail ke kereta rasmi berplat Proton 2020, sebelum membawa Dr. Mahathir ke pejabat.

Jika tidak ada program di luar, seperti kakitangan kerajaan lain, Perdana Menteri akan sampai ke pejabat di Bangunan Perdana Putra sebelum pukul 8 pagi.

Jika pada hari bekerja, Shawal yang membawa Perdana Menteri ke sana ke mari, rutin hari minggu berubah dengan pemandu peribadi itu pula yang duduk di sebelah kerusi penumpang.

"Walaupun mempunyai pemandu peribadi, Dr. Mahathir masih gemar memandu sendiri terutama ketika hendak melakukan aktiviti tidak rasmi pada hujung minggu," katanya.

Menurut Shawal, kereta kegemaran Dr. Mahathir ialah

pacuan empat roda kerana ini akan membolehkannya bergerak bebas meninjau tapak pembinaan, kawasan berbukit dan tanah lembap seperti Wetland.

"Datuk tidak akan melepaskan peluang cuti hujung minggu dan hari kelepasan am untuk memandu sendiri ke destinasi lebih-lebih lagi kalau tidak ada program rasmi," katanya.

Ekoran kegemaran Dr. Mahathir itu, Shawal akan memastikan lesen memandu bosnya itu sentiasa hidup.

Sehingga kini Perdana Menteri cukup mahir jalan-jalan di Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, sampai ke Tanjung Malim di Perak.

Malah kerap-kali Dr. Mahathir memandu sendiri kereta pacuan empat rodanya mendaki jalan berbukit dan berliku ke Bukit Tinggi, Pahang.

"Jadi janganlah sesiapa nak kelentong dia jalan-jalan di KL terutamanya.

"Pernah terjadi dia pula yang menegur pegawai trafik kerana mengambil jalan panjang dan sesak untuk ke suatu majlis kerana dia tahu ada jalan lain yang lebih senang untuk ke situ," kata Shawal.

Sebagai pemandu peribadi, Shawal boleh dikatakan orang yang paling banyak menghabiskan masa berdua dengan Perdana Menteri.

Ke mana-mana sahaja program Perdana Menteri di tanah air, pasti dia yang menjadi pemandunya.

Jadi bila masanya dia bercuti?

"Cuti bagi saya ialah apabila Datuk ke luar negara. Itupun saya masih ke pejabat dan memeriksa kereta setiap hari bagi memastikannya berada dalam keadaan sempurna," katanya.